

19 MAY 2001

Pas-keluar (Bergambar)

ANGGOTA PAS KELUAR PARTI SERTAI UMNO

KOTA BAHARU, 19 Mei (Bernama) -- Umno Bahagian Pengkalan Chepa hari ini menerima kemasukan 133 ahli baru termasuk 40 anggota Pas dari cawangan Taman Desa Kemumin, Pengkalan Chepa, dekat sini, yang terletak dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Panchor, yang dikuasai Pas.

Borang kemasukan secara beramai-ramai kumpulan berkenaan diserahkan oleh Ketua Pas cawangan Taman Desa Kemumin, Shamsuddin Derauf kepada Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed.

Yang turut menyaksikan penyerahan borang keahlian itu ialah Ketua Umno Bahagian Pengkalan Chepa, Dr Mohd Zain Omar.

Shamsuddin, yang menyertai Pas sejak 1985 berkata kemasukan beliau dan rakan-rakan dalam Umno adalah untuk turut sama membantu kerajaan memajukan negara.

Perubahan yang dilakukan oleh Umno dan Barisan Nasional yang dipimpin oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menarik minat saya untuk menyertai Umno, katanya.

Beliau yang pernah menjadi Ahli Jawatankuasa Pas cawangan Tengku Ahmad Panglima di sini, berkata sepanjang berjuang dengan Pas beliau tidak pernah mendapat sebarang kemudahan yang boleh mengubah cara hidup masyarakat di kawasan itu.

"Saya sebelum ini tersalah pilih dengan "gula-gula" yang diajukan oleh Pas. Sekarang saya terpanggil untuk menyertai Umno dan berjuang dalam menyatukan orang-orang Melayu," katanya.

Sementara itu, Mustapa berkata beliau berharap ahli-ahli Pas dengan rela hati turut menyertai Umno yang benar-benar mampu membantu rakyat di negara ini.

Beliau berkata hanya Umno yang dapat membantu orang Melayu dalam semua bidang termasuk ekonomi.

"Kita masih mengharap ahli Pas turut sama menyertai Umno dan kita tidak paksa mereka untuk menyertai kita (Umno) kerana kita mengamalkan demokrasi," katanya.

-- BERNAMA

MNR BD ZB